

25/06/1999

Penggambaran filem diawasi

Mokhtar Alias; Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Syarikat perfileman luar negara akan diminta mengemukakan butiran lebih lengkap mengenai penggambaran filem yang hendak dilakukan di negara ini pada masa depan, sebelum sebarang kelulusan diberi.

Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, berkata kerajaan mahu pihak berkenaan memberi gambaran sebenar mengenai keadaan negara ini dan tidak memutarbelitkan fakta.

Beliau berkata, kerajaan kecewa kerana penerbit filem *The Entrapment*, 20th Century Fox, memberi gambaran salah mengenai realiti dan geografi Menara Berkembar Petronas yang menjadi kebanggaan negara.

"Kita tidak mahu lagi unsur negatif (yang membawa gambaran buruk mengenai negara ini), (mereka perlu) memberi gambaran sebenar di Malaysia.

"Ini dia beri gambaran tidak baik dan dari segi pelancongan, kita seolah-olah membazir, walhal lokasi Menara Berkembar itu menarik," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara RTM dengan penganjur Lima `99, Le Proton Lima Sdn Bhd, hari ini.

Mohd Khalil berkata, pihaknya akan mengadakan perbincangan dengan pihak berkaitan dalam industri perfileman dan yang terbabit membawa masuk sesuatu penggambaran filem ke negara ini.

Kelmarin, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan tidak puas hati gambaran salah mengenai Malaysia dalam filem berkenaan yang sebahagiannya difilemkan di sini.

Menurut Perdana Menteri, gambaran salah mengenai Menara Berkembar Petronas dalam filem itu boleh menyebabkan penonton di negara kaya beranggapan Malaysia sebagai negara membangun yang membazirkan wang rakyat, mungkin juga bantuan asing, dengan membina monumen besar.

Menurut Mohd Khalil, gambaran salah yang diberikan penerbit filem Hollywood itu boleh mengelirukan penonton di seluruh dunia.

Beliau berkata, pemaparan teknik pertindihan yang digunakan dalam filem itu amat mengelirukan.

"Ia boleh diibaratkan bangunan Empire State Building di New York dibina daripada dalam laut atau Kuala Lumpur berada di kaki Gunung Tahan," katanya.

Sebahagian daripada penggambaran filem berkenaan lakonan Sean Connery dan Catherine Zeta-Jones dibuat di Malaysia.

Mengenai derma pihak tertentu, beliau yang juga Setiausaha Agung Umno berkata, parti itu tidak mengamalkan dasar memberi balasan terhadap penderma.

Mohd Khalil berkata, setiap pemberian derma itu disahkan oleh kepimpinan Umno dengan mengeluarkan resit, sekali gus menangkis dakwaan pihak tertentu bahawa penderma akan menerima balasan seperti kontrak kerajaan.

(END)